

## Konsep Pendidikan Citra Universiti: Satu Pengenalan

(*The Concept of Citra Education: An Introduction*)

AMINUDIN BIN BASIR @ AHMAD JAMSARI ALIAS

Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

[manhaj@ukm.edu.my](mailto:manhaj@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

*Konsep pendidikan seharusnya bersifat dinamik dan tidak jumud. Perubahan perlu dilakukan samada dari sudut kurikulum sesuatu kursus mahupun metod pengajaran dan pembelajaran sekiranya terdapat tuntutan dan keperluan. Dalam konteks masa kini, kemajuan dunia global disifatkan sebagai fasa Revolusi Industri 4.0 dimana ia dipacu oleh teknologi automasi serta pelbagai ciptaan baru yang benar-benar mencabar keupayaan modal insan. Persekitaran ini memberi impak terhadap modal insan terutama dari sudut penguasaan ilmu, maklumat dan pelbagai kemahiran terutamanya yang melibatkan Pusat Pengajian Tinggi atau Universiti Awam. Beberapa kajian telah membuktikan pada masa kini terdapat isu ketidakbolehpasaran graduan akibat kelemahan penguasaan beberapa kemahiran seperti komunikasi, kepimpinan, inovasi, kreativiti serta adab yang berpunca dari aspek konsep pendidikan yang kurang mengambil kira perubahan tuntutan masa kini. Menyedari hakikat ini Universiti Kebangsaan Malaysia menerusi Pusat Citra Universti telah mengorak langkah memacu perubahan dengan memperkenalkan konsep pendidikan Citra Universiti. Konsep pendidikan Citra ini dibentuk berdasarkan penyelidikan keperluan, perbincangan dengan pelbagai pihak, penelitian terhadap beberapa komponen pembelajaran dan juga menganalisis perlaksanaan model pendidikan liberal di beberapa buah universiti luar negara. Dengan demikian terhasillah konsep Pendidikan Citra Universiti yang terdiri dari Enam Citra Utama iaitu Citra 1 Etika, Kenegaraan dan Ketamadunan, Citra 2 Bahasa, Komunikasi dan Literasi, Citra 3 Penaakulan, Kuantitatif dan Kualitatif, Citra 4 Kepimpinan, Keusahawanan dan Inovasi, Citra 5 Sains, Teknologi dan Kelestarian, Citra 6 Kekeluargaan Kesihatan dan Gaya Hidup. Keenam-enam Citra ini menawarkan pelbagai kursus bagi membekalkan para pelajar dengan ilmu, maklumat dan pelbagai kemahiran yang diperlukan dengan berasaskan konsep bebas memilih, mengikut minat dan bakat pelajar itu sendiri tanpa sebarang paksaan serta bersetujuan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri.*

*Kata Kunci:* Pendidikan, Citra Enam, Universiti

### ABSTRACT

*Education need to be dynamic in nature and changes are inevitable in the forms of curriculum, its methodologies as well as its teaching and learning orientation. In today's context, global development along with the Industrial Revolution 4.0 and its automation surroundings put a great challenge againsts human capabilities and demands. These environments create extensive impacts on the way how people learn and acquire knowledge, managing information, and other related skills particularly in the orbit of Higher Learning Institutions (HLIs) and universities. Previous researches suggest that unemployabilities are related to lack of soft-skills such as communication, leadership, innovation, creativity, and manners due to irrelevant process of true education. Realizing this urgent needs, Universiti Kebangsaan Malaysia through Pusat Citra Universti has answer it by introducing a new concept of education. This fresh concept of Citra Education is developed from a series of thorough researches, discussions among stakeholders and other parties, scutinizing on the components of new teaching and learning techniques, as well as analyzing liberal educations formats around the world which have been in practiced in international universities. This resulted into the establishment of the Concept of Citra Education by Pusat Citra Universiti, UKM which consists of Six Main Domains of Citra Utama that is Citra 1 Etika, Kenegaraan dan Ketamadunan, Citra 2 Bahasa, Komunikasi dan Literasi, Citra 3 Penaakulan, Kuantitatif dan Kualitatif, Citra 4 Kepimpinan, Keusahawanan dan Inovasi, Citra 5 Sains, Teknologi dan Kelestarian, and Citra 6 Kekeluargaan Kesihatan dan*

*Gaya Hidup. All these six Citra offer various courses that equip students with relevant knowledge, information, and skills with freedom of choices among students in selecting their subjects based on their interest and industrial needs.*

*Keywords:* Education, Six Citra, University

## PENGENALAN

### KONSEP PENDIDIKAN

Pendidikan adalah satu aspek yang sangat penting ke arah pembentukan peribadi untuk menjadi insan yang seimbang. Konsep keseimbangan ini adalah meliputi aspek rohani, jasmani dan intelektual. Pendidikan bertujuan untuk mencapai pembentukan akidah, sikap, kemahiran, keperibadian serta pandangan hidup yang berperanan untuk membina dan membangun diri, masyarakat serta persekitaran berlandaskan asas mencari redha Allah SWT. Dengan kata lain menurut Hassan Langgulung dalam Wan Mohd Noor (2011), pendidikan dalam erti yang khusus merujuk kepada aktiviti manusia bagi memelihara kelangsungan hidupnya sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat.

Ini amat bertepatan dengan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk meningkatkan potensi diri individu secara syumul dan seimbang dari segi jasmani, emosi, intelek dan rohani atau ringkasnya disebut sebagai JERI. Ia melambangkan konsep pendidikan yang sepadu dan integratif iaitu meliputi pendidikan akal, akhlak serta pendidikan masyarakat (Zuraidah Othman 2014). Pendidikan akal berperanan untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia serta dapat membawa manusia kepada memahami keimanan berdasarkan wahyu, manakala pendidikan akhlak berperanan sebagai pembentuk identiti kehidupan manusia sementara pendidikan bermasyarakat pula bertujuan untuk menjaga kualiti dan kelangsungan hidup manusia (Zuraidah Othman 2014).

Konsep bersepadu dan integratif ini dilihat berupaya untuk mencapai matlamat pendidikan yang dihasratkan oleh negara iaitu bagi melahirkan rakyat yang bertanggungjawab dan boleh memenuhi kewajiban sebagai warganegara, membina rakyat yang progresif, mahir serta cekap supaya membolehkan melaksanakan tugas secara produktif serta sempurna demi memberi sumbangan terhadap kemajuan dan pembangunan.

### CABARAN PENDIDIKAN DALAM FASA REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Cabarani terkini dunia pendidikan amat terkesan dengan kemunculan fasa revolusi perindustrian Keempat atau disebut sebagai Industri 4.0. Pada era revolusi pertama ia berasaskan konsep penggunaan mesin berkuasa wap, manakala dalam revolusi kedua pula ia melibatkan kuasa elektrik. Dalam era revolusi ketiga, ia berasaskan kepada teknologi maklumat dan komputer atau disebut sebagai ICT. Akhirnya pada era kini iaitu revolusi industri 4.0 persekitaran pembangunan sangat bergantung kepada teknologi automasi (Utusan Melayu 2018).

Keadaan ini memberi cabaran kepada semua pihak yang terlibat dengan agenda pembangunan negara dimana perubahan perlu dilakukan sejajar dengan konsep transformasi industri 4.0. Dalam hubungan ini, sektor pendidikan terutamanya pihak universiti perlu peka dan melakukan perubahan bukan sahaja dalam aspek penyelidikan dan pembangunan, penerbitan, jaringan, bahkan ia turut melibatkan perubahan bidang tujuan ilmu, penguasaan pelbagai kemahiran dan juga metod pengajaran dan pembelajaran.

Tuntasnya Revolusi Industri 4.0 telah memberi pelbagai impak hasil dari penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden. Ia juga menggambarkan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya yang mencabar kedudukan manusia sebagai modal insan dalam aspek pembangunan. Dengan kata lain teknologi automasi dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. Sedangkan peranan pusat pengajian tinggi adalah melahirkan modal insan yang berkemahiran untuk mereka menyumbang kepada pembangunan negara. Industri 4.0 ini seolah-olah tidak lagi memerlukan sentuhan dari aspek modal insan. Ini juga secara tidak langsung memberi gambaran bahawa konsep pendidikan di universiti sudah tidak lagi relevan dengan tuntutan masa kini (Kosmo 2018).

Kerisauan ini telah diluahkan oleh Marmolejo (Kosmo 2018) dalam satu seminar anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi di ibu negara. Beliau yang merupakan ketua Pakar Pendidikan Tinggi Bank Dunia menjelaskan bahawa pengetahuan yang ada pada hari ini hanya menyumbang satu peratus sahaja menjelang 30 tahun akan datang dan ketika itu pasaran kerja akan dipenuhi dengan individu atau tenaga kerja berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis, justeru ini memerlukan institut pendidikan tinggi yang lebih fleksibel dan sedia mengharungi cabaran baharu agar mana-mana golongan masyarakat tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital.

Lantaran itu mantan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Idris Jusuf (BH 22 Jan 2018) menegaskan bahawa pihak universiti Awam kini perlu merangka kurikulum dan menyediakan kursus baru bagi mewujudkan peluang pekerjaan impak dari Revolusi Industri masa kini. Dalam erti kata lain, satu transformasi menyeluruh amat perlu dilakukan iaitu perubahan mega dan komprehensif yang melibatkan perubahan kepercayaan, ilmu, sikap, struktur sistem dan organisasi, rupa bentuk sistem dan organisasi, teknologi, budaya kerja, proses kerja, dan prestasi kerja (Sufean Hussin 2004).

Tuntasnya, pihak universiti perlu berhadapan dengan perubahan Revolusi Industri 4.0. ini dengan mendidik generasi masa kini dengan ilmu, metodologi pengajaran, kemahiran, aktiviti yang sesuai dan holistik dan berpaksikan jati diri kebangsaan agar mereka dapat diterima untuk menyumbang sesuai dengan perubahan sekeliling. Dalam pada itu pihak pengurusan tertinggi universiti juga perlu memainkan peranannya sejajar dengan perubahan yang berlaku sebagai usaha menyokong perubahan secara holistik agar universiti tetap berperanan sebagai

institusi yang melahirkan individu yang berilmu, bermaklumat, berkemahiran dan berketerampilan serta berupaya menangani pelbagai perubahan.

#### KONSEP PENDIDIKAN HOLISTIK

Hare dalam Ranjani menjelaskan bahawa konsep pendidikan holistik adalah konsep pendidikan yang memperluas dan memperdalam proses pendidikan. Ia tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pembelajaran, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia semasa di sekelilingnya (Asmaul Husnah 2017).

Justeru, salah satu aspek yang juga perlu dimainkan oleh pihak universiti, khususnya pihak pengurusan pelajar adalah menekankan pengambilan pelajar holistik di mana pihak universiti bertanggungjawab untuk melakukan saringan dalam pemilihan siswazah berdasarkan pencapaian akademik, kurikulum dan program pilihan pelajar (Herlina Jupiter et al 2017). Bagi menjamin setiap pelajar itu berada di dalam pilihan minat yang tepat, maka pihak universiti dapat membantu mereka menerusi ujian personaliti dan juga melaksanakan sesi temuduga yang mempunyai objektif untuk melihat bakat, minat, kecekapan dan kebolehan pelajar. Hal ini sangat penting kerana pelajar yang memilih program atau tumpuan yang tidak menepati minat dan kebolehannya akan menjelaskan potensi masa depannya serta memberi impak negatif terhadap keupayaan universiti bagi melahirkan graduan yang berdaya saing.

Inilah yang ditegaskan oleh Herlina dalam Irmawani (2017) bahawa kajian beliau menunjukkan *mismatch* program pengajian yang tidak tepat dengan personaliti, minat, nilai dan potensi sebenar pelajar memberikan kesan terhadap pencapaian akademik yang tidak memuaskan, kekecewaan, pertukaran program dan penarikan diri dari program pengajian. Rentetan dari itu, pandangan umum menjadi *sceptical* di mana ia mengakibatkan universiti dipertanggungjawabkan kerana tidak berupaya melahirkan graduan yang bermutu tinggi. Fenomena ini turut memberi implikasi negatif terhadap reputasi jangka masa panjang pihak universiti yang pada awalnya hanya berpunca dari ketidak selaras pada peringkat pemilihan calon pelajar lagi. Justeru itu, keselarasan antara program pengajian dengan personaliti dan minat, nilai dan potensi sebenar merupakan kriteria utama yang harus diambilkira dalam kemasukan seseorang pelajar ke dalam sesebuah program di universiti.

Malah, akibat daripada kegagalan pelajar memenuhi dalam bidang yang diminati serta berkebolehan turut menjelaskan kebolehpasaran pelajar itu sendiri apabila berhasrat atau berada di dalam industri. Ini termasuklah aspek perseimbahan mutu kerja yang tidak berkualiti. Perkara ini perlu diambil berat disebabkan cabaran kecemerlangan IPT kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Fenomena ini adalah selaras dengan objektif ke empat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu untuk menghasilkan graduan yang kompeten bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa dengan sasaran 75% graduan mendapatkan pekerjaan dalam bidang relevan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian (Huzili Hussin 2008).

## KONSEP PENDIDIKAN CITRA UNIVERSITI

Sejajar dengan perubahan dunia global dalam aspek pendidikan yang memerlukan graduan menguasai pelbagai kemahiran, pihak UKM menerusi Pusat Citra Universiti mengambil langkah terkehadapan bagi merangka konsep pendidikan citra yang menekankan penguasaan pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri serta menepati dengan minat pelajar itu sendiri. Konsep pendidikan citra memberi peluang kepada para pelajar untuk menguasai asas pelbagai kemahiran. Hal ini adalah sehaluan dengan perubahan semasa dalam pelbagai bidang pada masa kini yang dipacu oleh perubahan dan perkembangan sains dan teknologi baharu atau dikenali sebagai zaman Revolusi Industri 4.0.

Perkembangan ini memberi impak terhadap perubahan kemahiran baharu yang perlu dikuasai oleh para pelajar khususnya. Dalam konteks pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 terdapat empat kemahiran yang paling penting perlu dikuasai seperti yang dikemukakan oleh Persatuan Pendidik Amerika iaitu kemahiran pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi, dan kreativiti (Ab. Halim Tamuri 2017). Menurut Ab. Halim Tamuri (2017) dalam merumuskan beberapa pandangan sarjana terhadap penekanan aspek pendidikan kini, para pelajar selaku warganegara perlu mengetahui peranan masing-masing sebagai warganegara berhubung soal status, hak, amalan dan kompetensi. Mereka juga perlu kepada aspek pembangunan karektor untuk membangunkan aspek kebolehan dan kemahiran untuk memimpin serta berkolaboratif dengan pihak lain.

Aspek-aspek kemahiran tersebut dilihat mempunyai kaitan yang rapat dengan suasana persekitaran generasi pelajar masa kini. Mereka dibesarkan dalam suasana perkembangan teknologi maklumat yang berkembang rancak serta pelbagai ciptaan teknologi baru turut dihasilkan. Ini bermaksud suasana mereka membesar perlu diambil kira dalam merangka dan merancang aspek pendidikan bagi menerapkan kemahiran-kemahiran tersebut. Hal inilah yang ditekankan oleh Ab. Halim (2017) ketika menjelaskan aspek cabaran pendidikan Abad ke 21 bahawa generasi kini rata-ratanya adalah diistilahkan sebagai kelompok generasi Z yang dibesarkan dalam persekitaran maklumat dihujung jari. Justeru konsep pendidikan masa kini perlu mengambil kira latarbelakang tersebut, kerana perbezaan mereka dengan generasi sebelumnya bukan hanya terbatas dalam aspek pemakaian, komunikasi, gaya pemakaian, interaksi sosial bahkan mencakupi aspek yang lebih abstrak iaitu merujuk kepada makna generasi Z itu sendiri. Tanpa penguasaan terhadap kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri maka para graduan akan berhadapan dengan masalah kebolehpasaran. Hal ini akan memberi kesan terhadap manfaat dan sumbangan modal insan kepada negara.

Dalam perkara berkaitan menurut kajian yang dijalankan oleh pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), terdapat lima faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan iaitu kekurangan kemahiran dan pengalaman kerja, ketidaksepadanan antara keperluan industri dengan bidang pengajian graduan, kurang keupayaan untuk

berkomunikasi dengan baik terutamanya dalam Bahasa Inggeris, sikap negatif sesetengah graduan terhadap pekerjaan dan kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan (Muhammad Hazrul Ismail 2012). Bank Dunia pula dalam kajiannya yang bertajuk "*Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World-Class Higher Education System*" telah mengenalpasti tiga faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran salah satunya adalah proses pencarian kerja dan ketidaksepadanan kemahiran (Muhammad Ismail 2012).

Kerisauan terhadap permasalahan ini disedari dan dirasai oleh pihak pengurusan tertinggi Universiti Kebangsaan Malaysia. Azlan Ghazali (2017) selaku Naib Canselor berpendapat bahawa masyarakat dan industri meyakini terhadap kualiti penguasaan ilmu asas para graduan dalam bidang masing-masing. Namun yang menjadi keluhan dan luahan mereka adalah keupayaan dan kebolehan para graduan untuk beradaptasi dengan masyarakat dan alam pekerjaan. Para majikan melihat para graduan yang dilahirkan ini seolah-olah kaku dan tidak mempunyai keupayaan untuk menjadi seorang pekerja yang berjaya, tidak dapat berinteraksi dengan baik serta tidak mampu untuk berkomunikasi dengan penuh keyakinan.

Bertitik tolak atas kesedaran tersebut serta rasa penuh tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara, maka UKM selaku sebuah universiti yang tertubuh dengan keringat rakyat telah mengambil langkah berani bagi merangka satu konsep pendidikan yang berupaya untuk memenuhi tuntutan masyarakat, industri bahkan dunia global. Bagi tujuan tersebut maka pada 12 Oktober 2012 satu Jawatankuasa Induk Pengukuran Pendidikan Liberal telah ditubuhkan (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017).

Ia dipengerusikan oleh TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa serta dianggotai oleh Ahli Jawatankuasa yang terdiri dari para dekan, pengarah Pusat Pengajian Umum, Pengarah Pusat Pengurusan Akademik, Pengarah Pusat Akredetasi Pelajar dan CESMED. Menerusi jawatankuasa induk ini pelbagai usaha dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan termasuklah melaksanakan perbincangan bersemuka dengan pihak majikan industri, jabatan kerajaan dan badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, ketua komuniti, ibu bapa dan termasuk juga perbincangan dengan pihak pelajar sendiri. Selain itu kajian untuk mengenalpasti komponen-komponen pembelajaran yang lebih luas dan terbuka juga telah dijalankan terhadap beberapa buah universiti yang melibatkan lebih daripada 30 buah negara. Akhirnya dengan rahmat Allah S.W.T dan dengan segala usaha yang disumbangkan oleh pelbagai pihak, kosep Pendidikan Citra dapat dibangunkan dengan berdasarkan 6 domain Citra yang utama.

Pendidikan Citra ini ditakrifkan sebagai pendidikan umum yang membawa elemen kelestarian dan keluasan ilmu pengetahuan serta perolehan kompetensi atau kemahiran yang pelbagai yang akan membentuk sahsiah dan keterampilan pelajar secara menyeluruh (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017). Tujuannya pula adalah untuk membantu pelajar meluaskan ilmu pengetahuan di luar bidang penghususan, membina kompetensi dan kemahiran sosial, intelektual dan praktikal dalam kehidupan seharian (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017).

## KONSEP ENAM CITRA UTAMA PENDIDIKAN PUSAT CITRA

Hasil daripada pembentangan dan cadangan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) bilangan 1/2014 bertarikh 21 Januari 2014, lapan domain asal Pendidikan Citra UKM telah dipinda kepada enam domain. Tiga domain yang digabungkan ialah Domain Etika, Nilai dan Sahsiah, Domain Ketamadunan, Agama dan Budaya dan Domain Etika, Kewarganegaraan dan Ketamadunan. Dalam mesyuarat yang sama juga, Jawatankuasa Pelaksanaan Pendidikan Citra UKM telah ditubuhkan bagi merancang dan menjalankan pelaksanaan Pendidikan Citra UKM yang dijangka akan dimulakan pada Semester 2014/2015 (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017). Lihat Jadual 1.



JADUAL 1: Enam Domain Utama Citra

Enam domain Pendidikan Citra UKM boleh dilihat berkaitan antara satu sama lain. Domain Citra Etika, Kewarganegaraan & Ketamadunan adalah domain asas yang menjadi teras utama dalam Pendidikan Citra UKM. Pelajar diberi pendedahan yang mencukupi tentang aspek-aspek nilai, integriti, kewarganegaraan dan ketamadunan yang akan membina jati diri sahsiah yang kukuh. Domain Citra Bahasa, Komunikasi dan Literasi, Domain Citra Kepimpinan, Keusahawanan dan Inovasi, dan Domain Citra Penaakulan Kuantitatif dan Kualitatif adalah domain pembelajaran pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran kompetensi asas yang diperlukan dalam membangunkan peradaban manusia (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017).

Bagi Domain Citra Sains, Teknologi dan Kelestarian dan Domain Citra Kekeluargaan, Kesihatan dan Gaya Hidup ia bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar bagi memperolehi kemahiran dalam aplikasi aspek kekeluargaan, mengamalkan gaya hidup yang sihat disamping mengetahui peranan dan sumbangaan Sains dan Teknologi dalam menyumbang kepada pembentukan peradaban yang lestari. Enam Domain Citra tersebut yang menawarkan didalamnya ratusan kursus menggunakan pendekatan yang diistilahkan sebagai “menajamkan minda dan membentuk karekter” atau disebut *Shaping Minds , Building Characters*. Inilah merupakan identiti pelajar yang dihasratkan oleh UKM menerusi penawaran kursus-kursus Citra. Hasrat ini lebih jelas dipaparkan melalui matlamat umum dan khusus pendidikan Citra seperti yang dinyatakan.

Matlamat umum Pendidikan Citra membantu universiti melahirkan graduan yang mempunyai sahsiah yang boleh membawa penampilan Citra UKM, mempunyai jati diri kebangsaan dan menguasai kemahiran insaniah yang memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan. Manakala matlamat khusus pula adalah seperti berikut (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017):

- Menghasilkan graduan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dalam disiplin ilmu pengkhususan graduan tetapi juga ilmu dalam bidang lain yang boleh memberi nilai tambah kepada pembangunan diri dan laluan kerjaya.
- Memastikan para graduan memperoleh asas pendidikan yang holistik supaya mereka boleh berdikari dan beradaptasi dalam persekitaran yang sentiasa berubah.
- Menghasilkan graduan yang mampu menjadi warga global yang mampu bekerja dalam kumpulan dan mempunyai kemahiran berkomunikasi silang budaya.
- Menghasilkan graduan yang beretika dan berintegriti sebagai seorang insan, pekerja dan warganegara.
- Menghasilkan graduan yang kompeten, berdaya saing, berdaya tahan dan memenuhi keperluan pasaran kerja.

Jika diperhatikan terhadap matlamat Pendidikan Citra di atas ia menggambarkan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan berupaya untuk memberikan bukan hanya aspek ilmu dan maklumat, bahkan mampu memberikan asas-asas kemahiran yang sangat diperlukan oleh para graduan sebagai bekalan bagi diri mereka untuk kehidupan dan untuk menyumbang kepada negara dalam konteks sebagai modal insan. Matlamat Pendidikan Citra juga menunjukkan para graduan mampu berdaya saing dan kompeten bukan sahaja diperingkat glokal bahkan mampu sehingga ke peringkat global. Para graduan dididik dari aspek spiritual untuk memastikan mereka menghayati aspek etika yang mulia seperti amanah, jujur serta bertanggungjawab.

Matlamat Pusat Citra Universiti dalam melaksanakan konsep Pendidikan Citra adalah selari dengan matlamat pengajian tinggi iaitu untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi iaitu berfikiran analitikal

dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan, menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007).

Sehingga sesi 2015-2016, jumlah kursus yang ditawarkan oleh Pusat Citra Universiti bagi keenam-enam domain Citra adalah berjumlah 497 kursus. Antaranya adalah (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017):

Citra 1 Etika, Kenegaraan dan Ketamadunan:

LMCR2132 / LMCR2133 - PERKEMBANGAN SAINS DAN PERADABAN MANUSIA

LMCR3362 / LMCR3363 - PERLEMBAGAAN DAN MASYARAKAT

LMCR1102 - KESUKARELAWAN KHIDMAT BAKTI

LMCR2102 - PENGURUSAN MAJLIS DAN PROTOKOL

LMCR2122 / LMCR2123 - ETIKA PERBANDINGAN

LMCR2372 / LMCR2373 - ISU-ISU EKONOMI

LMCR3122 - FALSAFAH PEMBANGUNAN

LMCR2152 - HAK ASASI MANUSIA

LMCR1152 - DIALOG PERADABAN

Citra 2 Bahasa, Komunikasi dan Literasi:

LMCR2442/LMCR2443 - KEMAHIRAN KESANTUNAN BERBAHASA

LMCR1272 - KOMUNIKASI LISAN DALAM BAHASA MELAYU

LMCR1252 - GAYA SEBUTAN DALAM BAHASA INGGERIS

LMCR2202 - PEMBENTANGAN UNTUK MEMPENGARUH

LMCR1282 - PEMBENTANGAN LISAN BERIMPAK

LMCR1202 - PENULISAN PANTUN KREATIF

LMCP1212 - KOMUNITI DAN LITERASI

LMCR1232 - BAHASA KEPEPIMPINAN

LMCR2242 - KEMAHIRAN MENULIS

LMCR2222 - HUBUNGAN INSAN

LMCR1212 - SASTERA SIBER

LMCR1292 - BICARA TUNTAS

LMCR1251 - PUISI BERIMA

Citra 3 Penaakulan, Kuantitatif dan Kualitatif:

LMCR2462/LMCR2463 - PENYELESAIAN MASALAH KREATIF

LMCR3342/LMCR3343 - KRITIKAN SENI TAMPAK

LMCR2422/LMCR2423 - KEMAHIRAN BERFIKIR

LMCR1332 - ASAS TEMUBUAL PENYELIDIKAN

LMCR2362/LMCR2363 - FALSAFAH BERFIKIR

LMCP1342 - PENULISAN LAPORAN KAJIAN

LMCR3212 - PEMIKIRAN SAINTIFIK

LMCR1052 - PEMBANGUNAN DIRI 1

LMCR1062 - PEMBANGUNAN DIRI 2

Citra 4 Kepimpinan, Keusahawanan dan Inovasi:

LMCR3723 - KEMAHIRAN INTERPERSONAL & PENGUKUHAN JATI DIRI

LMCR2412 - KEPIMPINAN DAN KEMAHIRAN INTERPERSONAL

LMCR2262/LMCR2263 - KEMAHIRAN MEMBUAT KEPUTUSAN

LMCR2432/LMCR2433 - KEMAHIRAN PENGURUSAN HARTA

LMCR2452 - KEMAHIRAN PROGRAM MERENTAS NEGARA

LMCR2212/LMCR2213 - ASAS PENGURUSAN KUALITI

LMCP1422 - NETPRENEUR' USAHAWAN ATAS TALIAN

LMCR1432 - PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL

LMCR2232/LMCR2233 - PEMIKIRAN REKACIPTA

LMCP1412 - KEUSAHAWANAN DAN KEPIMPINAN

LMCR2392/LMCR2363 - PENGURUSAN MASA

LMCR2492 - LOGO & IDENTITI KORPORAT

LMCR2482 - ASAS REKA BENTUK GRAFIK

LMCR1432 - PENGIKLANAN KREATIF

Citra 5 Sains, Teknologi dan Kelestarian:

LMCR2332/LMCR2333 - EKOLOGI GLOBAL DAN PEMBANGUNAN LESTARI

LMCP1512 - SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

LMCP1572 - BIOETIKA UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

LMCR2272/LMCR2273 - APRESIASI TEKNOLOGI MAKLUMAT

LMCP1542 - MIKROB UNTUK KESEJAHTERAAN MANUSIA

LMCP1552 - PEMBANGUNAN MAPAN DALAM ISLAM

LMCR3353 - BIOTEKNOLOGI DAN MASYARAKAT

LMCP1532 - PEMBANGUNAN BANDAR MAPAN

LMCR1512 - ASAS PENGURUSAN BENCANA

Citra 6 Kekeluargaan, Kesihatan dan Gaya Hidup:

LMCP1602 - PENDIDIKAN KANAK-KANAK OLEH IBUBAPA DALAM ISLAM

LMCR2142 /LMCR2143 - PENJAGAAN KESIHATAN DIRI

LMCR1662 - KESIHATAN KELUARGA DAN GAYA HIDUP

LMCR2472 - PENJAGAAN KESIHATAN REPRODUKTIF

LMCR2342/LMCR2443 - ISU-ISU KEKELUARGAAN

LMCR1692 - INSTITUSI KEKELUARGAAN MUSLIM

LMCR1611 - BOLING DAN GAYA HIDUP SIHAT

LMCR2323 - PERSEKITARAN DAN KESIHATAN

LMCR2252/LMCR2253 - PENGURUSAN EMOSI

LMCR1652 - ASAS PENGUBATAN ISLAM

LMCO1612 - ISLAM DAN PSIKOLOGI

LMCP1632 - RUMAH DAN ANDA

Menurut Pengarah Pusat Citra Universiti, UKM Prof. Dr. Khaidzir Hj. Ismail (Laporan Tahunan Pusat Citra 2017) Pusat Citra menawarkan kursus-kursus yang mampu menghasilkan graduan yang memperolehi asas pendidikan holistik, mampu berdikari serta beradaptasi dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Pusat Citra juga optimis akan mampu melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing, berdaya tahan serta dapat memenuhi keperluan pasaran kerja. Kursus-kursus Citra Universiti ini bukan hanya ditawarkan oleh Pusat Citra sahaja, bahkan kursus-kursus juga turut ditawarkan oleh pihak fakulti, Pusat Kebudayaan, Institut serta pelbagai PTJ yang berminat. Tenaga pengajar juga adalah melibatkan para pensyarah dan individu dari pihak-pihak berkenaan. Sesuatu yang menarik bagi penawaran kursus Citra ini adalah, ia turut melibatkan pihak industri dan golongan profesional dari luar universiti yang berminat untuk menyumbang kepakaran masing-masing dengan dikawal selia oleh tenaga pensyarah dalam menerusi konsep pengajaran secara berkumpulan. Selain itu tarikan lain adalah kursus-kursus turut ditawarkan oleh para profesor dari pelbagai gred untuk menyumbang dan dibantu oleh pensyarah muda. Ini bermakna proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan pelbagai golongan dengan kepakaran yang mantap serta bersifat realistik.

Para pelajar dideakah dengan pengalaman-pengalaman yang benar-benar berlaku di industri. Dengan demikian, kefahaman pelajar terhadap sesuatu kursus akan bertambah serta mudah untuk diadaptasi apabila mereka berada dalam masyarakat dan industri kelak. Perlu ditegaskan juga, dari apsek kualiti kursus yang ditawarkan, ia dinilai oleh Jawatan Kuasa Perancangan dan Pembangunan Akademik atau JPPA yang terdiri dari para penyelaras Citra. Setiap penyelaras Citra mempunyai beberapa orang ahli yang bertindak sebagai pakar rujuk dalam pelbagai bidang yang datangnya dari pelbagai fakulti. Setiap permohonan kursus baru yang ingin ditawarkan perlu disemak dan diteliti kesesuaian isi kandungan serta aspek penilaian. Setelah itu permohonan akan dibawa ke peringkat Pusat Jaminan Kualiti Universiti untuk semakan seterusnya serta untuk diperakuan bagi tujuan untuk ditawarkan.

Kursus-kursus yang ditawarkan memaparkan terhadap keluasan ilmu, maklumat dan juga kemahiran yang dapat diperolehi oleh para pelajar menerusi kursus-kursus yang diambil. Para pelajar mempunyai kebebasan memilih mengikut keperluan dan minat masing-masing. Dengan demikian mereka tidak terikat dengan keterpaksaan yang boleh membantutkan potensi diri mereka, sebaliknya ruang untuk memilih dibuka dengan begitu luas namun mereka tetap dibimbang. Bagi jangka masa ke hadapan Pusat Citra Universiti sangat optimis untuk

mewujudkan program di peringkat prasiswazah yang menawarkan bidang dan tumpuan yang lebih luas kepada para pelajar. Di mana konsep kebebasan memilih kursus-kursus dan bidang tumpuan dibuka kepada para pelajar berdasarkan minat, keperluan dan bakat mereka. Dalam pada itu aspek amali bagi memantapkan kemahiran dilaksanakan dengan kerjasama erat bersama pihak industri berdasarkan bidang yang menjadi tumpuan dan pilihan pelajar dalam tempoh yang sesuai. Program yang diharatkannya ini adalah bersesuaian dengan perubahan Revousi Industri 4.0 masa kini. Konsep pendidikan sebegini juga telah disarankan oleh mantan Menteri Pengajian Tinggi dengan konsep Program 2U 2I iaitu dua tahun di universiti dan dua tahun di industri (Berita Harian 2018).

## KESIMPULAN

Konsep Pendidikan Citra merupakan konsep pendidikan yang dirangka berdasarkan kepada perubahan kehendak masa kini dalam pelbagai bidang. Ia bukan hanya konsep pendidikan yang relevan dengan keperluan industri dan masyarakat semata-mata, bahkan ia menawarkan kebebasan memilih kepada para pelajar menepati dengan minat, bakat dan keperluan mereka. Ia bukan satu konsep pendidikan yang bersifat rigid dan memaksa pelajar mempelajari kursus dan kemahiran yang tidak selari dengan kehendak pelajar. Konsep Citra Enam yang mendasari Pendidikan Citra adalah terhasil dari kajian, perbincangan, penelitian yang luas dan mendalam yang melibatkan pelbagai pihak, model pendidikan dan komponen kursus dari beberapa buah universiti lebih dari 30 buah negara. Bagi jangka masa akan datang Pusat Citra Universiti berhasrat untuk membuka dengan lebih luas lagi ruang untuk para pelajar memilih dan seterusnya memberi tumpuan terhadap jurusan ilmu, maklumat dan kemahiran yang diperlukan oleh mereka sendiri berdasarkan minat dan bakat mereka tanpa sebarang sekatan iaitu menerusi penawaran Program Prasiswazah 2U 2 I iaitu dua tahun di universiti dan dua tahun di industri.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin. 2017. *Pembelajaran Abad Ke 21 Dalam Kepelbagain Budaya: Harapan dan Cabaran*. Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8) anjuran IPG Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada 19 September 2017 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Asmaul Husnah. 2017. *Konsep Pendidikan Holistik menurut Pemikiran Muchlas Samani dan Implementasinya pada Sistem Pendidikan Indonesia*, dalam Jurnal Adabiyah Pendidikan Islam. Vol.2, no. 1, 2017. Ms.43-62. Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Berita Harian <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/01/379067/kursus-baharu-hadapi-revolusi-industri-40>
- Huzili Bin Hussin, Azman Bin Zakaria dan Muhammad Shukri Bin Salleh 2008. *Memperkasakan Mahasiswa Kejuruteraan Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis.
- Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff, Norazah Mohd Suki, Hasbullah Awang dan Herlina Jupiter. 2017. *Pengantarabangsaan pendidikan tinggi: Amalan Dan Cabaran*, dalam Jurnal Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Bil.11, 2017, ms 98-108.



Kosmo. ([http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0830&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0830&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm)) 21 Julai 2018 22.00pm

Laporan Tahunan Pusat Citra Universiti 2016. (2017). UKM: UKM Cetak Bangi.

Muhammad Hazrul Ismail. 2012. *Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan*.

Prosiding PERKEM VII, JILID 2 (2012) 906 – 913. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju Ipoh, Perak, 4 – 6 Jun 2012.

Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. 2011. *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*, dalam Jurnal al-Ta'dib, Vol. 6, No. 1, Juni 2011, m.s 59-78. Gontor: Universiti Darussalam.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkau Tahun 2020. 2007. Kementerian Pengajian Tinggi.

<https://engine.um.edu.my/.../pelanstrategikpengajiantinggi2020.pdf>

Sufean Hussin. 2014. *Cabar Menyeluruh Dalam Pelaksanaan Tranformasi Pendidikan Untuk Masa Depan Malaysia*. Seminar Transformasi Pendidikan Nasional, 9-10 Mei 2014, Fakulti Pendidikan, Kertas Ucaputama.

Utusan Melayu (M) Bhd (<http://www.utusan.com.my/renanca/utama/celik-industri-4-0-1.524994#ixzz58pf2YVPy>)  
21 Julai 2018 21.55pm

Zuraidah Othman & Hajah Aizan Ali. 2014. *Pendidikan Integratif dalam Islam: Kesepaduan Iman, Ilmu dan Amal*, Jurnal al-Muqaddimah. Bil 2 (2) 2014, ms.21-45. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.